

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA
MAHKAMAH RAYUAN
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
JALAN RAJA, 50506 KUALA LUMPUR

Rujukan: Bil. (1) dlm. MR/12 Jld. 1

Tarikh: 05 Februari 1996

Au 712198

**ARAHAN AMALAN MAHKAMAH RAYUAN
BIL.1 TAHUN 1996**

Perlanjutan masa untuk memfailkan Rekod Rayuan
dalam perkara-perkara sivil

Di bawah peruntukan Kaedah 18(7) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994, seseorang perayu dikehendaki memfailkan rekod rayuan dalam tempoh enam minggu selepas kemasukan rayuan itu atau dalam sesuatu tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan.

Untuk menyelaraskan prosedur memfailkan rekod rayuan dan untuk menyegerakan lagi prosiding di Mahkamah Rayuan, maka amalan berikut hendaklah diikuti bagi permohonan perlanjutan masa untuk memfailkan rekod rayuan atas alasan nota-nota keterangan tidak diperolehi dari Y.A. Hakim.

- (1) Dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis rayuan difailkan, sekiranya perayu belum lagi dibekalkan dengan nota-nota keterangan Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi selepas ianya dipohon, maka Perayu hendaklah dengan serta merta memohon

kepada Presiden Mahkamah Rayuan untuk perlanjutan masa memfailkan rekod rayuan. Satu salinan permohonan ini hendaklah dimajukan kepada peguam responden.


- (2) Setiap permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah disokong dengan butir-butir dan dokumen berikut :-
 - (a) Tarikh keputusan Mahkamah Tinggi;
 - (b) Sesalinan notis rayuan yang telah difailkan;
 - (c) Sesalinan surat permohonan nota-nota keterangan kepada Setiausaha Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi.
- (3) Semua surat menyurat bagi tujuan perenggan (2)(c) di atas samada dari peguam perayu kepada Setiausaha Hakim Mahkamah Tinggi yang berkenaan atau sebaliknya, hendaklah dimajukan sesalinannya kepada peguam responden dan Pendaftar Mahkamah Rayuan.
- (4) Sekiranya permohonan tidak dibuat dalam tempoh 6 minggu selepas kemasukan rayuan maka pada bila-bila masa selepas itu permohonan bolehlah dibuat tetapi ianya hendaklah dibuat melalui notis usul kepada Mahkamah disertai dengan satu affidavit penyokong.
- (5) Rekod rayuan hendaklah difailkan oleh perayu walaupun penghakiman bertulis atau alasan-alasan keputusan tidak diterima. Penghakiman bertulis atau alasan-alasan keputusan

yang diterima kemudiannya hendaklah difailkan sebagai rekod rayuan tambahan tanpa sebarang permohonan.

Arahan Amalan ini adalah berkuatkuasa mulai 5hb Februari 1996.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(HAS ZANAH BT. MEHAT)

Pendaftar

Mahkamah Rayuan Malaysia

Kuala Lumpur

Kepada:

Y.B. Peguam Negara Malaysia

Y.B. Peguam Besar Negeri, Sarawak, Kuching

Y.B. Peguam Besar Negeri, Sabah, Kota Kinabalu

Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia

Semua Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Pegawai Khas/Penyelidik/Penolong Kanan Pendaftar

Mahkamah Tinggi Malaya, Sabah dan Sarawak

Setiausaha, Majlis Peguam Malaysia

Semua Setiausaha, Jawatankuasa-Jawatankuasa Peguam Malaysia

Setiausaha, Advocate Association of Sarawak, Kuching

Setiausaha, Sabah Law Association, Kota Kinabalu

Pustakawan, Mahkamah Persekutuan

Pustakawan, Jabatan Peguam Negara

Malayan Law Journal (Pte) Ltd.

Current Law Journal
Central Law Books
Dewan Bahasa dan Pustaka
Asia Pacific Publications Sdn. Bhd.
Law Library Consultant

Salinan kepada:

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan
Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Y.A. Hakim Mahkamah Persekutuan
Y.A. Hakim Mahkamah Rayuan
Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya, Sabah dan Sarawak